

Pelampau seperti perampas masjid

— Dr. Mahathir

U.M. - 7 DEC 1979

KULIM 6 Dis. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, golongan-golongan pelampau yang terdapat di negara ini adalah sama dengan mereka yang mencerooboh Masjidil Haram di Mekah.

Katanya, golongan tersebut semata-mata memeralatkan agama Islam untuk kepentingan politik mereka tanpa menilaikan kebahagiaan rakyat terbanyak.

Berucap dalam perjumpaan dengan penduduk penduduk Daerah Kulim di Padang Sekolah Menengah Badlishah di sini, beliau berharap rakyat jangan tunduk pada golongan tersebut.

Sebaliknya, rakyat mestilah mempertahankan sikap sederhana kerajaan yang diamalkan dalam pentadbiran negara ini, kerana itu apa yang dikehendaki oleh Islam," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, hasil sikap sederhana kerajaanlah, maka wujudnya keamanan dan kestabilan negara yang dapat membawa kemakmuran kepada rakyat.

Kepada orang-orang bukan Islam, katanya, mereka juga harus sedar bahawa ketenteraman dan keamanan yang wujud di Malaysia sekarang telah memberi nikmat yang banyak kepada mereka.

"Hasil ketenteraman negara dari sikap sederhana kerajaan dalam

pentadbiran mengikut apa yang dikehendaki oleh Islam itulah yang menyebabkan mereka yang bukan Islam dapat hidup mewah dan senang lenang," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyebut walaupun Parti DAP membangkitkan perkara-perkara yang tidak puas hati orang-orang Cina di sini tapi tuduhan-tuduhan tersebut tidak benar sama sekali.

"Ini kerana apa sahaja yang kerajaan laksanakan di negara ini adalah untuk kepentingan semua rakyat tetapi bukan untuk satu-satu golongan kaum sahaja," tambah beliau.

Beliau mengingatkan rakyat, untuk mencapai kehidupan yang bahagia bukan sahaja kerana banyak wang di saku, tetapi mestilah mempunyai nilai-nilai hidup yang baik.

"Kita mestilah bekerja kuat dan memelihara perpaduan tanpa terpengaruh dengan golongan ekstremist yang mahukan perpecahan," ujarnya.

Dr. Mahathir mengulangi bahawa golongan

pelampau di negara ini hanya mencari kepentingan diri mereka.

"Mereka sanggup memeralatkan agama Islam untuk kepentingan politik, mereka menggunakan kalimah Allah untuk mempengaruhi rakyat sebaliknya amalan mereka bertentangan dengan kehendak Allah," tambah beliau.

"Golongan tersebut sama dengan golongan pelampau yang mencerooboh Masjidil-Haram di Mekah, baru-baru ini," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Katanya, "rakyat mestilah sedar bahawa negara kita tidak akan mencapai kemajuan seperti yang ada sekarang kiranya tidak ada ketenteraman dan kestabilan."

Turut serta di majlis tersebut ialah Dr. Siti Hasmah, Menteri Besar. Datuk Sri Syed Nahar Shahabuddin dan Datin serta ahli-ahli Exco dan ketua-ketua jabatan.

Dr. Sri Dr. Mahathir kemudian dibawa melawat kawasan perusahaan Kulim dan diberi taklimat mengenai rancangan-rancangan Perbadan-

an Kemajuan Negeri Kedah dalam pembangunan industri di negeri ini.

Beliau kemudian melawat kawasan Perairan Muda melalui udara dengan helikopter TUDM.

Sementara itu ketika berucap di upacara meletakkan batu asas pembinaan masjid baru di Pekan Bandar Bharu yang berharga \$275,000 pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat terhadap bahaya besar yang akan tercetus jika agama Islam digunakan untuk kepentingan politik dan diri sendiri.

Menurut beliau, golongan yang melakukan perkara ini adalah bijak dalam penggunaan ayat-ayat suci Al Quran sambil memutarbelitkan perkara sebenar dalam Islam.